

20 SEP 2000

Osu-Pendapatan

SABAH SUSUN STRATEGI BARU TINGKATKAN PENDAPATAN NEGERI

KOTA KINABALU, 20 Sept (Bernama) -- Sabah telah mengatur strategi baru bagi membantu meningkatkan hasil pendapatan negeri ekoran pemansuhan cukai import barangan petroleum dan kemerosotan hasil royalti balak.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata ia termasuk projek penanaman kelapa sawit secara besar-besaran dan memajukan lagi industri pelancongan.

"Ini langkah jangka panjang yang dikenal pasti boleh menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri di bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah, di sini.

Beliau berkata setakat ini, kerajaan melalui anak syarikatnya hanya memiliki 10 peratus daripada kira-kira 100 juta hektar kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit.

Oleh itu kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha untuk menanam kelapa sawit dan berharap harga keluaran komoditi yang kini agak rendah akan meningkat dalam tempoh yang terdekat, katanya.

Osu berkata strategi baru itu perlu kerana penurunan hasil pendapatan negeri boleh menjejaskan kelancaran agenda pembangunan di negeri ini.

"Kita beri penekanan kepada usaha menambah pendapatan negeri yang selama ini banyak bergantung kepada hasil kayu atau royalti balak dan ini perlu disegerakan," katanya.

Beliau berkata sebelum ini purata pendapatan daripada hasil kayu balak ialah sekitar RM1.5 bilion setiap tahun tetapi tahun ini, kerajaan negeri hanya menganggarkan pendapatan daripada royalti balak sebanyak RM250 juta.

"Di samping itu, kita kehilangan pendapatan daripada cukai import barangan petroleum yang secara purata setiap tahun ialah antara RM200 juta dan RM250 juta," katanya.

Osu berkata kabinet negeri telah membincangkan masalah penurunan hasil itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan di sini semalam.

Beliau berkata Dr Mahathir telah bersetuju untuk membawa perkara itu kepada menteri kewangan untuk tindakan lanjut.

Osu berkata berdasarkan perbincangan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri tahun lepas, kerajaan persekutuan akan memberi bantuan sebagai ganti kepada kehilangan hasil berikutan pemansuhan cukai import barangan petroleum itu.

Mengenai keselamatan di Sabah, Osu berkata kerajaan pusat telah mengambil pelbagai langkah untuk meyakinkan rakyat terhadap keselamatan di negeri ini.

"Arahan untuk menangani kemasukan pendaatang yang tidak mengikut saluran yang ditetapkan telah dikeluarkan dan kita penuh yakin keputusan kerajaan itu akan menghilangkan rasa takut atau kekhuatiran rakyat," katanya.

-- BERNAMA

NT NMO